

**Perubahan Era Globalisasi Cabaran Utama Belia Islam  
Bernama  
14 November, 2012  
Oleh Siti Aisyah Harun**

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Cabaran era globalisasi dan dunia tanpa sempadan menjadikan golongan muda Islam kadang-kala mudah alpa dengan keseronokan duniawi dan ia merupakan cabaran terbesar golongan tersebut dalam meniti arus kehidupan beragama.

Disebabkan itu, golongan muda disaran mengambil kesempatan untuk 'berhijrah' ke arah kebaikan ketika usia muda dengan menjadikan kisah Nabi Muhammad S.A.W. dan para sahabat sebagai ikon terbaik dalam membentuk jati diri belia Islam yang sejati.

Juara program realiti televisyen Imam Muda musim pertama Muhammad Asyraf Mohd Ridzuan berkata kondisi jiwa dan nurani yang masih muda mudah dipengaruhi dengan pelbagai situasi namun ia boleh dibendung dan dikawal daripada terus hanyut jauh meninggalkan Islam.

Namun begitu, katanya masih ramai belia Islam di negara ini berada di landasan yang betul dan memahami konsep penghayatan Islam dalam menjadikannya asas kehidupan namun mereka masih digalakkan untuk sentiasa berazam menjadi individu yang 'luar biasa'.

"Menjadi individu yang luar biasa bermaksud berani melakukan perubahan ke arah kebaikan ketika usia muda. Dalam zaman moden ini, ramai yang takut untuk berubah atau berhijrah, takut dikritik, dipersenda.

"Pun begitu, banyak sirah Nabi boleh dijadikan panduan untuk menjadi individu luar biasa terutamanya sejarah pengorbanan kekasih Allah itu berhijrah menyebarkan agama sehingga tarikh 1 Muharram dipilih sebagai permulaan kalendar Islam," katanya ketika dihubungi Bernama di sini.

Katanya semua lapisan umat Islam perlu mengetahui secara mendalam sejarah pemilihan tarikh 1 Muharram sebagai permulaan kalendar kerana ia bukan sekadar penghijrahan Nabi Muhammad namun konsep itu lebih melambangkan simbolik pengorbanan yang ditempuh Nabi ketika menyebarkan agama Islam.

Sempena sambutan Maal Hijrah 1434 esok, Muhammad Asyraf menyeru semua masyarakat khususnya golongan muda menghayati pengajaran di sebalik erti sebenar sambutan itu dan menjadikan hari tersebut sebagai titik permulaan untuk meningkatkan diri kepada satu tahap yang lebih baik.

Bagi Naib Johan Akademi Al-Quran musim ketiga yang juga pendakwah bebas, Datin Seri Sharifah Khasif Fadzilah Syed Mohd Badiuzzaman Al Yahya berkata umat Islam perlu memainkan peranan penting bukan sekadar mengajak masyarakat untuk bersama-sama memperingati peristiwa hijrah tetapi mengajak generasi muda mengamalkan segala sunah Rasulullah sebagai teladan agung baik sebelum, semasa atau selepas peristiwa hijrah itu.

"Hijrah bagi golongan muda dalam konteks yang lebih luas bermaksud berpindah daripada kejahilan kepada keIslaman, daripada kejahilan kepada keilmuan, daripada kehinaan kepada kemuliaan, dan daripada kemungkaran kepada kemakrufan yang berasaskan kepada ilmu Ad-Din," katanya ketika dihubungi.

Sharifah Khasif berkata istilah hijrah sebenarnya perlu dilihat daripada aspek kisah hijrah Rasulullah dan kesannya perlu dipupuk dengan mengambil iktibar peristiwa itu sendiri yang

mana pengisiannya amat penting sebagai panduan mengharungi zaman serba moden ini.

Katanya bagi menghadapi dunia yang semakin mencabar, umat Islam khususnya golongan muda harus bijak meneliti perubahan dunia globalisasi dan mengambil faedah terbaik daripada perubahan itu sebagai salah satu cara transformasi atau penghijrahan yang mampu membangun corak kehidupan dalam membentuk martabat insan sejati.

Sehubungan itu katanya sempena sambutan tahun baru Islam esok, golongan muda diseru untuk sentiasa berusaha berhijrah dengan niat kerana Allah S.W.T kerana ia pasti akan berjaya membina peribadi berjiwa tauhid dan merdeka, sanggup berkorban dan berjihad, berbudaya ilmu dan berakhlak mulia.

"Kebaikan kadangkala bersifat memaksa namun hidayah Allah tidak akan datang tanpa usaha, kesungguhan dan doa. Biar kita melawan arus tetapi tidak melawan akidah kerana masih belum terlambat untuk kita berhijrah, pastinya keredhaan Allah akan sampai pada kita," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=709050>